

U B968 DEB  
CHE DAT

ALOR SETAR, 16 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DAN ISTERI DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH HARI INI MENGHABISKAN MASA KIRA-KIRA 45 MINIT DI PEKAN RABU UNTUK MEMBELI-BELAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR, ATAU +CHE DAT+ KEPADA PENDUDUK TEMPATAN, NAMPAKNYA LEBIH BANYAK BERBUAL-BUAL DENGAN RAKAN-RAKAN LAMANYA DARIPADA MEMBELI-BELAH KETIKA DI PEKAN RABU. DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH PULA KELIHATAN TAWAR-MENAWAR DAN MEMILIH BARANG-BARANG DENGAN PARA PENIAGA GERAI.

PEKAN RABU MERUPAKAN TEMPAT YANG TIDAK DAPAT DILUPAI OLEH PERDANA MENTERI KERANA DI SITULAH BELIAU MULA BERNIAGA MENJUAL PISANG GORENG SEBELUM PERANG DUNIA KEDUA DAHULU.

SALAH SEORANG RAKAN LAMANYA DI SITU, ENCIK JOHARI MOHAMAD TAIB ATAU PAK JO KELIHATAN BERBUAL MESRA DENGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR HAMPIR 10 MINIT.

PAK JO MEMBERITAHU BERNAMA, BELIAU KENAL RAPAT DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR KETIKA MEREKA BERNIAGA DI PEKAN RABU SEBELUM PERANG DUNIA KEDUA. -- LAGI.

1821MST 16 05 86

D120

U B969 DEB  
CHE DAT 2 ALOR SETAR

+ SAYA DAN RAKAN-RAKAN LAIN MEMANGGIL BELIAU +CHE DAT+, KATANYA. PERDANA MENTERI DAN ISTERI KEMUDIAN MEMBELI-BELAH UNTUK HARI RAYA DI PASARAYA KOMART DI BULATAN TELUK WANJAH.

MALAM INI, MEREKA BERDUA BERSAMA-SAMA MENTERI BESAR, DATUK PADUKA HAJI OSMAN AROFF BERBUKA PUASA DI MASJID KAMPUNG MALAU, JITRA.

PAGI ESOK BELIAU AKAN MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT JAWATANKUASA BARISAN NASIONAL BAHAGIAN KUBANG PASU DI KEDIAMANNYA DI TITI GAJAH.

KETIBAAN PERDANA MENTERI DI LAPANGAN TERBANG KEPALA BATAS TENGAH HARI TADI DISAMBUT OLEH DATUK PADUKA HAJI OSMAN, PARA ANGGOTA EXCO NEGERI DAN PEMIMPIM-PEMIPMIN BN BAHAGIAN KUBANG PASU. -- BERNAMA.

1822MST 16 05 86